



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TIARA PERMAI
NO.2A, JALAN 2/18A
TAMAN MASTIARA, JALAN IPOH
51200 KUALA LUMPUR**



Telefon : 03-61794752
Faksimile : 03-62414679
E-mel : wea0260@moe.edu.my

Ruj. Kami : SMKTP.600-2/1/2 (12)
Tarikh : 27 September 2021

Kepada:
**Semua Ibu Bapa / Penjaga
Murid Program Pendidikan Khas Integrasi**

SMK Tiara Permai
Kuala Lumpur

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN PEMBUKAAN SESI PERSEKOLAHAN SECARA BERSEMUKA BAGI MURID PROGRAM PENDIDIKAN KHAS INTEGRASI

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengumumkan pembukaan semula institusi pendidikan bawah KPM dilaksanakan secara berperingkat mengikut fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN) dan tertakluk kepada ketetapan KPM berdasarkan penilaian risiko, nasihat dan pandangan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).
3. Seperti semua sedia maklum bahawa Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berada dalam Fasa 2 PPN. Berdasarkan pengumuman dan Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah 3.0 yang dikeluarkan oleh KPM, **semua murid Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) SMK Tiara Permai memulakan sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara bersemuka tanpa penggiliran mulai 4 Oktober 2021**.
- ... 4. Bagi menentukan tahap kesihatan dan keupayaan penjagaan kesihatan kendiri murid, YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan perlu membuat pengisyntiharan kesihatan melalui Borang Akuan Pengisyntiharan Kesihatan Murid Berkeperluan Khas yang dilampirkan. Borang ini telah diedarkan melalui kumpulan ibu bapa PPKI atau boleh diambil di pondok pengawal keselamatan. Borang yang telah dilengkapkan hendaklah dikembalikan kepada pihak sekolah **pada atau sebelum 01 Oktober 2021** dengan meletakan dalam kotak yang disediakan di pondok pengawal keselamatan atau dikemukakan secara dalam talian kepada guru kelas anak/anak jagaan masing-masing.
5. YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan boleh memilih untuk tidak menghantar anak/anak jagaan masing-masing atas faktor keselamatan dan perkara ini perlu dimaklumkan secara rasmi kepada pihak sekolah bagi tujuan rekod. Ketidakhadiran tersebut tidak dianggap sebagai satu kesalahan disiplin.

.../2-

6. Semua murid yang hadir ke sekolah wajib memakai pelitup muka sepanjang tempoh mereka berada dalam kawasan sekolah. Pemakaian pelitup muka berganda digalakkan. Murid juga dibenarkan memakai pakaian yang sesuai, kemas dan sopan sekiranya pakaian seragam sekolah yang ada tidak lagi sesuai dipakai.

7. Pihak sekolah akan mematuhi semua Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah 3.0 yang dikeluarkan oleh KPM bagi menjamin keselamatan dan kesihatan anak-anak jagaan YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan. Kerjasama YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan juga dimohon agar sentiasa mengingatkan dan memastikan anak-anak jagaan masing-masing berada dalam keadaan sihat, sentiasa memakai pelitup muka, menjaga jarak fizikal dan tidak bergejala seperti demam, batuk dan sukar bernafas serta mematuhi Prosedur Operasi Standard atau *Standard Operating Procedure* (SOP) semasa hadir ke sekolah. Semua murid dikehendaki membawa tag nama perekodan suhu dan kehadiran telah diberikan pada April 2021.

8. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini, YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan boleh menghubungi Encik Sukri bin Ahmad di talian 012-9335811.

Perhatian dan kerjasama YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(HAJI AZMAN BIN AB KADIR, AMW)

Pengetua
SMK Tiara Permai
Kuala Lumpur

Lampiran

BORANG AKUAN PENGISYTIHARAN KESIHATAN MURID BERKEPERLUAN KHAS

A. MAKLUMAT DIRI MURID

1. Nama Murid : _____
 2. No. Kad Pengenalan/No. MyKid : _____
 3. Nama Ibu bapa/Penjaga : _____
 4. No. Telefon Ibu bapa/Penjaga : _____
 5. Murid tinggal di asrama (bulatkan) : YA / TIDAK
 6. Jika menaiki VAN/BAS SEKOLAH sila nyatakan nombor pendaftaran kenderaan: _____

B. KEADAAN KESIHATAN TERKINI MURID DAN GEJALA BERKAITAN COVID-19

Anak/Anak jagaan saya mempunyai gejala seperti di bawah:

1. Demam (suhu badan melebihi 37.5 °C).
 2. Gejala Selesema
 3. Gejala pernafasan akut seperti batuk/sakit tekak/sesak nafas.
 4. Melakukan perjalanan ke luar negara dalam tempoh 14 hari bergejala.
 5. Mempunyai kontak rapat kepada kes COVID-19 dalam tempoh 14 hari bergejala.
 6. Menghadiri majlis/perjumpaan yang mempunyai kaitan dengan wabak COVID-19.

C. MAKLUMAT KESIHATAN MURID

MBK yang mempunyai masalah perubatan berisiko terhadap komplikasi COVID-19 yang serius.

Maklumat masalah perubatan MBK akan membantu guru membuat keputusan kehadiran ke sekolah bagi mengurangkan risiko MBK mendapat iangkitan COVID-19.

Anak/Anak iagaan saya mempunyai masalah perubatan seperti berikut:

1. Penyakit paru-paru yang kronik.
 2. Penyakit asma yang sederhana teruk dan teruk.
 3. Penyakit jantung yang serius.
 4. Penyakit kencing manis.
 5. Penyakit buah pinggang yang menjalani dialisis.
 6. Penyakit hati.
 7. Mengalami kekurangan zat makanan serius.

8. Mempunyai imuniti yang rendah (*immunocompromised*) termasuk:
- di bawah rawatan steroid.
 - mempunyai kanser dan sedang dalam rawatan kanser.
 - mempunyai penyakit HIV/AIDS yang tidak terkawal.
 - menjalani pemindahan organ dalam masa terdekat (1 hingga 2 tahun).
 - sedang dalam pengambilan ubat-ubatan yang boleh menyebabkan imuniti badan yang rendah.

YA	TIDAK

D. KESEDARAN MURID MENGENAI COVID-19 DAN PENJAGAAN KEBERSIHAN KENDIRI

Kesedaran dan kefahaman mengenai COVID-19 serta keupayaan MBK untuk melaksanakan langkah kebersihan adalah penting bagi mencegah jangkitan COVID-19.

- Mencuci tangan dengan kerap dengan menggunakan air dan sabun atau pensanitasi tangan.
- Memakai pelitup muka.
- Mengamalkan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya satu (1) meter.
- Mengelak daripada menyentuh bahagian muka dengan kerap.
- Mengelak daripada berkongsi cawan, perkakas makanan, makanan dan minuman dengan orang lain.
- Menjaga kebersihan diri tanpa bantuan (mengelap air liur meleleh, boleh berdikari pergi ke tandas, mengelap hingus dan lain-lain yang melibatkan kontak rapat).

YA	TIDAK

E. PERAKUAN IBU BAPA/PENJAGA

Saya memperaku dan mengisyiharkan bahawa maklumat kesihatan yang diberikan berkenaan anak/anak jagaan saya adalah **BENAR** bagi melindungi serta menjamin keselamatan anak/anak jagaan saya atau orang lain daripada risiko jangkitan COVID-19 semasa berada di kawasan sekolah.

Diperakuan oleh, Tandatangan: Nama: (Ibu bapa/Penjaga) Tarikh:	Disahkan oleh, Tandatangan dan cop rasmi: Nama: (Pengetua/Guru Besar/Guru Penolong Kanan/ Penyelaras Pendidikan Khas) Tarikh:
--	--